

Majlis Berbuka Puasa Bersama Masyarakat



Norharnila Rusli

“Ramadhan Menjana Kekuatan Ummah” adalah merupakan tema sempena program sambutan Bulan Ramadhan 1430H peringkat UniMAP. Bersesuaian dengan tema tersebut, satu Majlis Berbuka Puasa Bersama Masyarakat telah diadakan pada 3 September 2009 di Kampung Wai dan 4 September 2009 di Wang Ulu. Majlis anjuran gabungan ahli Majlis Kolej-kolej Kediaman UniMAP turut dihadiri oleh Naib Canselor UniMAP, Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin.

Objektif utama program ini adalah untuk mengeratkan hubungan antara pelajar-pelajar serta pengurusan Kolej-kolej Kediaman amnya dengan penduduk setempat. Selepas jamuan berbuka puasa, pelajar-pelajar menunaikan Solat Tarawih secara berjemaah bersama penduduk setempat. Penganjuran program-program seperti ini sememangnya mencapai objektif jalinan ukhwah yang utuh sesama umat Islam.